

Dasar Perumahan Baharu Terengganu dilancar

7TUSAN ONLINE | 25 September 2019 3:42 PM

KUALA TERENGGANU 25 Sept. - Kerajaan negeri hari ini melakar kejayaan tersendiri dengan melancarkan Dasar Perumahan Baharu Negeri Terengganu (DPBNT) yang mula berkuatkuasa 1 September lalu dalam usaha merancakkan lagi pembangunan perumahan serta hartanah menerusi sektor swasta di negeri ini.



DATUK SERI DR. AHMAD SAMSURI MOKHTAR

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar yang turut menyempurnakan majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Perumahan Bercampur di Kampung Cina, Pasir Akar, Besut di ruang legar U2 Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Secara simbolik, penggubalan DPBNT itu membuktikan komitmen kerajaan negeri kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (B40) iaitu golongan berpendapatan isi rumah RM3,800 sebulan dan ke bawah untuk memiliki rumah sendiri yang lebih selesa tanpa mengharapkan subsidi kerajaan.

Ahmad Samsuri berkata, ia dapat dicapai dengan kewujudan pembangunan perumahan bercampur yang memberikan variasi harga jualan dari RM68,000 sehingga RM185,000 di mana harga yang ditawarkan telah ditetapkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara yang dikeluarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurut beliau, bagi tujuan itu, kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bahagian Perumahan akan dipertanggungjawabkan sebagai agensi pemantau pelaksanaan dasar tersebut.

"Saya harap kewujudan dasar ini, sektor pembangunan hartanah di Terengganu akan kembali aktif seperti biasa dan pada kesempatan ini juga saya ingin berpesan kepada